

Syarikat Industri Minyak dan Gas Terus Komited Bantu Anak Nelayan Labuan



LABUAN, 27 Feb 2020 – Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan dan Syarikat Repsol Oil & Gas Malaysia Limited telah mengadakan Majlis Anugerah Inovasi Bagi Murid-Murid Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) Bagi Tahun 2019 daripada Komuniti Nelayan, kelmarin.

Menurut Pengurus Kanan, Stakeholder Relations, Repsol Oil & Gas Malaysia Limited, Encik Ahmad Fakhurrizi Arshad, pihaknya komited untuk membantu masyarakat dan komuniti tempatan di mana mereka beroperasi.

Majlis Anugerah Motivasi pada hari ini merupakan kesinambungan usaha-usaha tersebut yang memfokuskan kepada pendidikan, khasnya kepada anak-anak nelayan di Labuan yang masih di bangku sekolah.

“Hasrat kami adalah untuk membantu dan menyuntik semangat di kalangan anak-anak ini untuk mencapai kecemerlangan dalam akademik dan aktiviti kokurikulum sekolah.” Encik Ahmad Fakhurrizi Arshad ketika merasmikan majlis tersebut.

Harapan jangka panjang Repsol adalah untuk melihat anak-anak muda yang menerima Anugerah Motivasi ini berjaya di dalam pelajaran mereka dan mendapat kerjaya yang baik supaya boleh meningkatkan taraf hidup diri dan keluarga masing-masing.



Gambar kenangan bersama penerima anugerah motivasi murid-murid UPSR dan PT3 Tahun 2019 dari golongan Komuniti Nelayan Labuan



Murid-murid penerima Anugerah Motivasi Repsol 2019
Sementara itu, Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan
Labuan Encik Raisin Saidin merakamkan ribuan terima kasih
kepada Repsol atas usaha murni ini.

Katanya, dengan adanya bantuan ini dapat meningkatkan
motivasi murid-murid dalam pembelajaran dan kemenjadian
murid.

*“Saya berharap murid-murid yang menerima sumbangan
dapat memanfaatkan faedahnya untuk berjaya dalam
pelajaran dan seterusnya memberi pulangan kepada
memajukan negara suatu hari kelak”.*

*“Majlis Anugerah Motivasi ini merupakan tahun yang
ketujuh dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Labuan.
Maka saya menyeru murid-murid yang telah menerima
anugerah ini supaya sentiasa bersyukur dengan belajar
bersungguh-sungguh demi sebuah kejayaan yang boleh
mengubah nasib pada masa akan datang ” . Encik Raisin
Saidin*

Pada majlis tersebut, seramai 40 murid dari tahap UPSR
dan 20 murid dari tahap PT3 telah menerima anugerah ini.
Setiap penerima UPSR akan menerima wang tunai RM300
manakala penerima PT3 akan menerima wang tunai RM400
menjadikan jumlah anugerah kesemuanya adalah RM20,000.

Turut hadir, Datuk Eddie Abdullah, Penasihat Perhubungan
Komuniti dan Kerajaan bagi Negeri Sabah & Labuan, Repsol
Oil & Gas Malaysia Limited dan Encik Ag. Marten Datuk Hj
Abdul Rahman, Ketua Penolong Pengarah, Sektor Sumber dan
Teknologi Pendidikan, Jabatan Pendidikan W.P Labuan



Terima kasih kepada pihak Repsol kerana memberi bantuan ini untuk membantu keperluan murid



Penghargaan kepada kepada Pihak Sekolah. Encik Jamatin

menerima Sijli Penghargaan daripada Encik Ahmad
Fakhrurazzi